

Headline	FRIM Inc digesa tumpu R&D		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	4	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	439 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,133
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,398



[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]



Ahmad Zahid menandatangani plak perasmian bangunan FRIM Inc sambil diperhatikan Wan Junaidi (tiga dari kanan) di FRIM, Kepong, semalam.



Saya tidak mahu FRIM Inc lari daripada perniagaan teras, jangan sampai buat resort, beli hotel di luar negara. Ada yang sepatutnya pulihara hutan tetapi beli aset lain”

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana
Menteri

FRIM Inc digesa tumpu R&D

➔ Hasilkan produk untungkan syarikat, jangan beli aset luar negara: Zahid

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, mengingatkan anak syarikat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), FRIM Inc, su-

paya tidak tersasar daripada perniagaan teras dan memberi tumpuan dalam mengkomersialkan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke peringkat dunia.

Timbalan Perdana Menteri berkata, FRIM Inc harus memberi tumpuan menghasilkan produk organik yang mendatangkan hasil lumayan kepada syarikat itu dan tidak menjadi organisasi lain dengan membeli aset di luar negara.

“Saya tidak mahu FRIM Inc lari daripada perniagaan teras, jangan sampai buat resort, beli hotel di luar negara. Ada yang sepatutnya pulihara hutan tetapi beli aset lain. Saya bukan nak sebut mana-mana agensi tetapi jangan jadi begitu.

“Jangan lakukan projek di luar perniagaan teras, fokus ke-

pada bidang kita,” katanya berucap pada majlis perasmian FRIM Inc di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Pengurus FRIM yang juga Pengurus FRIM Inc, Datuk Seri Azizan Ahmad.

Jangan tamak

Ahmad Zahid turut mengingatkan ahli lembaga pengarah FRIM Inc supaya tidak memikirkan kepentingan peribadi semata-mata bagi meraih keuntungan.

“Inilah masalah apabila orang besar ada sifat tamak haloba untuk menjaga kepentingan peribadi,” katanya.

Terdahulu, Azizan mengu-

mumkan nama dua spesies tumbuhan bukit batu kapur yang masing-masing dinamakan sempena Ahmad Zahid dan Wan Junaidi iaitu ‘Gymnostaechium ahmadzahidianum’ daripada keluarga tumbuhan Belalai Gajah yang ditemui di Kelantan dan ‘Impatiens feonajunaidiana’ daripada keluarga Keembong yang ditemui di Perlis.

FRIM Inc ditubuhkan pada 4 Ogos tahun lalu sebagai anak syarikat FRIM bagi mentransformasi hasil R&D kepada aktiviti komersialisasi untuk penjanaan pendapatan.

Ia memulakan urus niaga awal Disember lalu dan setakat ini sudah mengadakan jalinan kerjasama bernilai lebih RM800,000 dengan lebih 10 syarikat dan agensi.